

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kenderaan kereta dan motosikal yang berdaftar dan berapa daripada jumlah itu yang tidak membayar cukai jalan kenderaan. Apakah proses terkini untuk melupuskan kenderaan terbiar.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), bilangan terkumpul kenderaan persendirian jenis sehingga 31 Oktober 2019 adalah sebanyak 14,657,191 buah manakala motosikal adalah sebanyak 14,223,943 buah. Dari jumlah tersebut, sebanyak 2,208,785 kereta dan 6,976,939 motosikal adalah kenderaan yang tidak aktif, di mana kenderaan tersebut tidak diperbaharui Lesen Kenderaan Motor (LKM) bagi tempoh melebihi tiga (3) tahun.

2. Salah satu kaedah bagi pelupusan kenderaan adalah melalui proses pembatal pendaftaran di mana pemilik berdaftar atau wakil syarikat (kenderaan syarikat) perlu mengemukakan permohonan bagi pembatalan pendaftaran di mana-mana pejabat JPJ negeri/ cawangan yang melaksanakan aktiviti pendaftaran. Permohonan pembatalan pendaftaran kebiasaannya dibuat atas sebab kenderaan tersebut telah musnah, kemalangan jalan raya dan kenderaan telah dieksport ke negara luar secara kekal.

3. Berhubung dengan isu pelupusan kenderaan terbiar, JPJ dan pihak berkuasa tempatan telah pun mengadakan beberapa siri perbincangan bagi menyediakan *Standard Operating Procedure* (SOP) untuk proses lucut hak dan pembatalan kenderaan. Perkara ini sudah pun di dalam peringkat pertimbangan perundangan dan akan dimuktamadkan dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.